

Dikemaskini – P.U.(A) 477/2025 (Berkuat kuasa pada 1 Januari 2026)

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 378(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 28 Disember 2012.

BAHAGIAN 1

NOTA KONTRAK DAN PENYIMPANAN REKOD

Tafsiran

2. (1) Dalam Bahagian ini—

“akaun sekuriti” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 [*Akta 453*];

“hari pasaran” ertinya hari bursa saham atau bursa derivatif dibuka untuk dagangan;

“transaksi” ertinya mana-mana transaksi untuk menjual atau membeli sekuriti yang dibuat oleh seseorang pemegang lesen Pasaran Modal dan Perkhidmatan sebagai prinsipal atau bagi pihak orang lain;

(2) Suatu sebutan dalam Bahagian ini kepada suatu pemegang lesen Pasaran Modal dan Perkhidmatan yang berniaga dalam sekuriti atau membuat sesuatu transaksi sebagai prinsipal termasuklah sebutan kepada seseorang yang—

- (a) berniaga dalam sekuriti atau membuat sesuatu transaksi bagi pihak orang yang bersekutu dengannya;
- (b) berniaga dalam sekuriti bagi pihak suatu pertubuhan perbadanan yang ia mempunyai suatu kepentingan mengawal; atau
- (c) menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti bagi pihak suatu pertubuhan perbadanan yang kepentingannya dan kepentingan pengarahnya menjadi suatu kepentingan mengawal.

(3) Bagi maksud subperaturan (2), seseorang tidak bersekutu dengan mana-mana orang lain hanya disebabkan orang itu ialah pengarah suatu pertubuhan perbadanan yang orang yang satu lagi itu ialah juga pengarah, sama ada atau tidak pertubuhan perbadanan tersebut menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti.

Nota kontrak yang dikeluarkan oleh seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif terselaras

3. (1) Seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif terselaras hendaklah, tidak lewat daripada berakhirnya hari pasaran berikutnya selepas transaksi yang berhubungan dengan urusan berniaga dalam derivatif terselaras itu dibuat, memberikan suatu nota kontrak yang mematuhi peraturan ini kepada kliennya berkenaan dengan transaksi itu.

(2) Bagi maksud mematuhi peraturan ini, nota kontrak berkenaan dengan sesuatu transaksi yang berhubungan dengan derivatif terselaras hendaklah termasuk maklumat yang berikut:

- (a) nama dan alamat tempat urusan utama pemegang lesen Perkhidmatan Pasaran Modal itu;
- (b) nama dan alamat klien itu;

- (c) suatu perihalan mengenai derivatif terselaras itu yang mencukupi untuk mengenal pasti sifat transaksi itu, termasuk—
 - (i) suatu perihalan mengenai instrumen dasar;
 - (ii) suatu perihalan keadaan yang menjadi subjek derivatif terselaras itu;
 - (iii) dalam hal suatu kontrak hadapan atau kontrak niaga hadapan, bulan dan tahun pelaksanaan atau penyelesaian kontrak hadapan atau kontrak niaga hadapan itu; dan
 - (iv) dalam hal suatu opsyen,
 - (A) harga atau nilai instrumen dasar atau tahap berangka keadaan yang menjadi subjek opsyen itu yang padanya pembeli opsyen itu boleh menjalankan opsyen itu; dan
 - (B) sama ada opsyen itu ialah opsyen panggilan atau opsyen jual;
- (d) nama bursa derivatif yang pemegang lesen Perkhidmatan Pasaran Modal itu ialah suatu gabungan;
- (e) deposit yang telah dibayar atau kena dibayar berkenaan dengan transaksi itu;
- (f) harga yang transaksi itu dibuat oleh pemegang lesen Perkhidmatan Pasaran Modal itu;
- (g) tarikh transaksi itu;

- (h) dalam hal suatu opsi, tarikh sebelum atau tarikh yang pembeli opsi itu, bagi menjalankan opsi itu, hendaklah mengisytiharkan niat untuk menjalankan opsi itu;
- (i) sama ada transaksi itu—

 - (i) adalah untuk membeli derivatif terselaras;
 - (ii) adalah untuk menjual derivatif terselaras;
 - (iii) dalam hal suatu opsi, adalah untuk menjalankan opsi itu; atau
 - (iv) terdiri daripada gabungan perbuatan yang disebut dalam subperenggan (i),(ii) atau (iii);
- (j) kuantiti atau bilangan derivatif terselaras itu;
- (k) sama ada atau tidak transaksi adalah dagangan penyelesaian;
- (l) nama, atau apa-apa jenis pengenalpastian identiti lain bagi wakil pemegang lesen itu yang mengendalikan akaun klien itu;
- (m) nombor akaun klien itu;
- (n) pernyataan yang menyatakan bahawa transaksi dalam nota kontrak yang telah dikeluarkan itu hendaklah tertakluk kepada kaedah-kaedah bursa derivatif yang berkaitan;
- (o) nombor rujukan nota kontrak itu; dan
- (p) kadar dan amaun komisen, levi, duti, dan fi dan cukai lain yang kena dibayar berkenaan dengan transaksi itu.

(3) Suatu nota kontrak boleh mengandungi butiran lebih daripada satu transaksi yang telah diurusniagakan dalam satu hari pasaran berhubungan dengan seseorang klien.

(4) Seseorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif terselaras, tidak boleh memasukkan dalam suatu nota kontrak yang telah dikeluarkan di bawah peraturan ini, suatu nama yang dia ketahui atau semunasabahnya dijangkakan untuk dia untuk mengetahui adalah bukan nama yang klien itu kebiasaannya dikenali.

Nota kontrak yang dikeluarkan oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti

4. (1) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti hendaklah, tidak lewat daripada berakhirnya hari pasaran berikutnya selepas transaksi itu dibuat, memberikan suatu nota kontrak yang mematuhi peraturan ini dalam hal yang berkenaan dengan transaksi itu.

(2) Nota kontrak yang diberikan oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti itu hendaklah termasuk maklumat yang berikut—

- (a) nama dan alamat tempat utusan utama pemegang lesen Perkhidmatan Pasaran Modal itu;
- (b) nama bursa saham yang pemegang lesen Perkhidmatan Pasaran Modal itu adalah suatu organisasi peserta;
- (c) nama dan alamat klien itu;
- (d) tarikh transaksi itu;
- (e) nombor akaun klien itu;

- (f)* nombor akaun sekuriti yang berkaitan dengan transaksi itu, jika berkenaan;
- (g)* pernyataan yang menyatakan bahawa transaksi dalam nota kontrak yang telah dikeluarkan itu hendaklah tertakluk kepada kaedah-kaedah bursa saham yang berkenaan;
- (h)* nombor rujukan nota kontrak itu;
- (i)* nama, atau apa-apa jenis pengenalan lain bagi identiti wakil pemegang lesen itu yang mengendalikan akaun klien itu;
- (j)* berkenaan dengan suatu transaksi yang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal itu mewakili seseorang yang bukan pemegang lesen, pernyataan sama ada dia bertindak sebagai seorang prinsipal dalam transaksi itu;
- (k)* berkenaan dengan transaksi yang bukan dalam perjalanan urusan biasa pasaran saham suatu bursa saham, suatu pernyataan bagi maksud itu;
- (l)* kuantiti dan perihalan sekuriti yang telah diurusniagakan;
- (m)* harga per unit sekuriti itu;
- (n)* jumlah balasan bagi transaksi itu;
- (o)* butiran rujukan kepada sekuriti itu seperti nombor kod yang sekuriti itu dikenalpasti oleh suatu bursa saham;
- (p)* suatu pernyataan sama ada harga yang telah dibayar untuk transaksi itu termasuk atau tidak termasuk faedah bagi apa-apa

tindakan korporat yang disertakan bersama transaksi itu, seperti bayaran dividen, terbitan hak atau terbitan bonus;

(q) kadar dan amaun komisen yang dikenakan;

(r) amaun duti setem yang kena dibayar;

(s) tarikh penghantaran sekuriti dan penyelesaiannya;

(t) fi lain yang dikenakan, sekiranya ada; dan

(u) berkenaan dengan sekuriti bukan ekuiti yang mempunyai tarikh matang atau tarikh tamat tempoh, tarikh matang atau tarikh tamat tempoh sekuriti itu.

(3) Suatu nota kontrak boleh mengandungi butiran lebih daripada satu transaksi yang telah diurusniagakan dalam satu hari pasaran berhubungan dengan seseorang klien dan sekiranya demikian, yang berikut adalah terpakai:

(a) hendaklah terdapat huraian butir-butir di bawah perenggan 2(i), (j), (k), (l), (m), (n), (o), (p), (q), (r), (s) dan (t) bagi setiap transaksi; dan

(b) hendaklah terdapat suatu pernyataan yang bermaksud bahawa ketidaksahan mana-mana satu transaksi bagi apa-apa alasan jua hendaklah tidak beroperasi untuk menidaksahkan semua transaksi lain yang direkodkan dalam nota kontrak itu.

(4) Seseorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti, tidak boleh memasukkan dalam suatu nota kontrak yang telah dikeluarkan di bawah peraturan ini suatu nama yang dia ketahui atau semunasabahnya dijangkakan untuk dia untuk mengetahui adalah bukan nama yang klien itu kebiasaannya dikenali.

Nota kontrak elektronik

5. Suatu nota kontrak yang dikeluarkan oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah peraturan 3 atau 4 boleh dikeluarkan dalam bentuk elektronik dengan syarat bahawa pengeluaran nota kontrak itu mematuhi sepenuhnya peraturan 3 dan 4 dan kehendak-kehendak yang ditentukan oleh Suruhanjaya, jika ada.

Rekod dagangan

6. (1) Seseorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam derivatif terselaras hendaklah menyimpan rekod yang merekodkan dan menerangkan dengan betul urusan berniaga dalam derivatif terselaras oleh pemegang lesen itu bagi akaunnya sendiri.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subperaturan (1) dan subseksyen 104(7) Akta, pemegang lesen itu hendaklah menyimpan rekod butir-butir yang disebut dalam subperaturan (1) mengikut kaedah-kaedah bursa derivatif.

(3) Rekod itu hendaklah dipegang simpan untuk tempoh lima tahun kecuali rekod yang disimpan dalam bentuk pita audio magnet yang tempoh simpanannya hendaklah ditentukan mengikut kaedah-kaedah bursa derivatif.

BAHAGIAN II

AKTIVITI TERKAWAL BERSAMPINGAN

Aktiviti terkawal bersampingan

7. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), seseorang yang dilesenkan untuk menjalankan suatu aktiviti terkawal seperti yang ditentukan dalam ruang (1) Jadual 1 boleh menjalankan aktiviti terkawal bersampingan lain sebagaimana yang ditentukan dalam ruang (2) Jadual 1.

(2) Aktiviti terkawal bersampingan itu hendaklah dijalankan semata-mata bersampingan dengan aktiviti terkawal yang dilesenkan dan hendaklah disifatkan dijalankan seperti orang berlesen itu telah mematuhi semua kehendak yang ditentukan oleh Suruhanjaya berhubungan dengan aktiviti terkawal bersampingan itu.

BAHAGIAN III

FI

Fi

8. [Dipotong P.U.(A) 477/2025]

BAHAGIAN IV

PEMBATALAN DAN KECUALIAN

Pembatalan dan kecualian

9. (1) Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*P.U. (A) 336/2007*] dibatalkan (“Peraturan-Peraturan yang dibatalkan”).

(2) Walau apa pun subperaturan (1), semua kelulusan, arahan, keputusan, pemberitahuan, pengecualian, pembayaran dan tindakan eksekutif lain, walau apa pun dinamakan, dibuat, diberikan atau dilakukan di bawah atau mengikut, atau menurut kuasa Peraturan-Peraturan yang dibatalkan, hendaklah disifatkan telah dibuat, diberikan, atau dilakukan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa, peraturan-peraturan yang sama dengan Peraturan-Peraturan ini, dan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya berhubungan dengan orang yang ia terpakai kepadanya sehingga dipinda, dimansuhkan, dihapuskan, dibatalkan atau digantikan di bawah, mengikut atau menurut kuasa peraturan-peraturan yang sama dengan Peraturan-Peraturan ini.

JADUAL 1
[Peraturan 7]
Aktiviti terkawal bersampingan

<i>Aktiviti Terkawal Berlesen (1)</i>	<i>Aktiviti Terkawal Bersampingan (2)</i>
Berniaga dalam sekuriti	Pengurusan dana Nasihat pelaburan
Berniaga dalam sekuriti terhad kepada unit amanah sahaja	Nasihat pelaburan
Berniaga dalam skim persaraan swasta	Nasihat pelaburan
Pengurusan dana	Berniaga dalam sekuriti Berniaga dalam derivatif terselaras Berniaga dalam skim persaraan swasta Nasihat pelaburan
Berniaga dalam derivatif terselaras	Pengurusan dana Nasihat pelaburan

JADUAL 2

[Dipotong P.U.(A) 477/2025]

JADUAL 3

[Dipotong P.U.(A) 477/2025]

JADUAL 4

[Dipotong P.U.(A) 477/2025]

Dibuat 24 Disember 2012

[RS(A&R)/CMSR 2012. 1/12(156)-1; PN(PU2)662/VII]

RANJIT AJIT SINGH

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti

Diluluskan 27 Disember 2012

[KK/BPKA/K1/(S)/483/128/1/1; PN(PU2)662/VII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH

Menteri Kewangan Kedua